



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562

No. Fax : 03-8882 5569

HARI TERBUKA SISTEM KAWALAN DIESEL BERSUBSIDI 2.0 (SKDS 2.0)

PUTRAJAYA, 30 MEI 2024 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) hari ini mengadakan Hari Terbuka SKDS 2.0 yang melibatkan syarikat-syarikat yang mempunyai kenderaan jenis pengangkutan barangan. Platform ini memberikan ruang bagi syarikat-syarikat dengan jenis-jenis pengangkutan yang tersenarai dalam SKDS 2.0 untuk mendapatkan maklumat lanjut secara bersemuka tentang pelaksanaan SKDS. Syarikat-syarikat pengangkutan terbabit juga boleh terus mengemukakan kedua-dua kategori permohonan iaitu mendapatkan kelulusan SKDS melalui sistem MySubsidi Diesel KPDN dan seterusnya mendapatkan *fleet card* daripada syarikat-syarikat minyak pilhan.

Penganjuran Hari Terbuka SKDS 2.0 ini melibatkan 8 persatuan yang mewakili industri pengangkutan barangan dan 400 syarikat yang layak di bawah program SKDS 2.0.

Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab mengawal selia pelaksanaan SKDS, KPDN telah menggerakkan kerjasama dengan lima syarikat minyak yang terlibat untuk memastikan kesiapsiagaan dalam perancangan agenda penyasaran semula subsidi diesel. Antara langkah yang telah dilaksanakan adalah ketersediaan syarikat-syarikat minyak dengan bekalan stok 1 juta *fleet card*. Jumlah ini disasarkan untuk memenuhi permintaan 23 jenis kenderaan yang layak melalui SKDS 2.0 yang dianggarkan berjumlah 410 ribu.

Permohonan bagi mendapatkan surat kelulusan SKDS 2.0 secara atas talian melalui pautan <https://mysubsidi.kpdn.gov.my/> bagi kesemua 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan yang layak melibatkan proses yang mudah dan cepat. Ini termasuk mekanisme semakan waktu nyata (*real time*) dengan sistem MySIKAP Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, semakan nombor pendaftaran syarikat dengan sistem Suruhanjaya Syarikat Malaysia tanpa memerlukan pemohon memuat naik dokumen sokongan tambahan.

Justeru, pihak Kementerian menyeru syarikat-syarikat yang layak memohon di bawah SKDS 2.0 untuk tidak bertangguh dalam memohon bagi mendapatkan surat kelulusan SKDS 2.0 dan sekali gus memohon *fleet card* daripada syarikat-syarikat minyak. KPDN terus komited menjayakan inisiatif penyasaran subsidi diesel dalam menangani isu ketirisan dan penyelewengan subsidi kerajaan. .

YB DATUK ARMIZAN MOHD ALI
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Kos Sara Hidup

###